

# Besut pengeluar kerapu hibrid, siakap negara

**Terdapat sebanyak 200 pusat asuhan ternakan ikan jenis tersebut di Besut**

MOHD TAHA YAACOB

## KAMPUNG RAJA

**D**aerah Besut bukan sahaja tersohor kerana melahirkan pelajar cemerlang di negeri ini tetapi juga merupakan daerah pembekal benih dan ikan siakap serta kerapu hibrid terbesar negara.

Nama daerah ini sering meniti di

bibir usahawan ikan air masin dan tawar di negara ini kerana Besut bukan sahaja pengeluar terbesar tetapi juga ikan berkualiti.

Pengerusi Persatuan Akuakultur Besut Terengganu (Perkuat), Hazmin Mat Yusof berkata, terdapat kira-kira 200 pengusaha pusat ternakan dan asuhan ikan kerapu hibrid serta siakap di daerah ini.

Menurutnya, sebanyak sembilan kampung di kawasan Dun Kota Putera terlibat dalam sektor ini iaitu kawasan berdekatan dengan laut dan sungai air payau serta masin membabitkan kawasan keseluruhan kira-kira 363 hektar.

"Kampung terbabit ialah Kampung Keluang, Pengkalan Gadoh, Limbungan, Pengkalan Nyireh, Kedeper, Pak Kiang, Dendong dan Kampung Air Tawar," katanya.

### Harga kerapu hibrid lebih tinggi

Hazmin berkata, semua kampung terbabit kecuali Kampung Air Tawar mengusahakan pusat asuhan ikan siakap dan sebilangan kecil hanya mengusahakan penternakan ikan kerapu hibrid.

Menurutnya, Kampung Air Tawar yang terletak kira-kira 200 meter dari tepi pantai menghadap Laut China Selatan diusahakan sepenuhnya sebagai pusat asuhan ikan kerapu hibrid.

"Pusat asuhan ini bermaksud



Sebahagian besar pemilik pusat asuhan ikan kerapu terdiri daripada generasi muda.



Terdapat juga Pusat Pembenhian dan Asuhan Ikan Marin Dalam Tangki milik Jabatan Perikanan Malaysia di Tanjung Demong.

penternak membeli benih ikan dalam saiz tertentu kemudian dipelihara di dalam takungan khas atau kolam sehingga mencapai saiz dikehendaki.

"Anak ikan itu kemudian dijual pula kepada penternak ikan kerapu hibrid atau siakap tempatan atau seluruh negara," katanya.

Hazmin berkata, anak ikan kemudiannya dijual kepada penternak ikan sangkar dengan pelbagai saiz mengikut kehendak penternak.

Menurutnya, saiz dan harga antara ikan kerapu hibrid dan siakap berbeza khususnya ikan kerapu hibrid yang memiliki harga lebih tinggi.

### Nilai benih bergantung pada saiz

Tambah Hazmin, sementara penternak ikan pula ialah pengusaha yang menternak ikan untuk mencapai saiz pasaran seperti berat sekilogram ke atas.

"Dua perkara ini tidak boleh dilakukan oleh penternak sama kerana kaedah asuhan anak kecil bermula saiz ikan satu sentimeter (cm) bagi benih siakap agak sukar," katanya.

Hazmin berkata, benih siakap bersaiz kurang satu cm atau daripada telur diperoleh daripada tiga pengusaha penetasan dan pengeluar

**“Pusat asuhan ini bermaksud penternak membeli benih ikan dalam saiz tertentu kemudian dipelihara di dalam takungan khas atau kolam sehingga mencapai saiz dikehendaki.” - Hazmin**

benih kerapu sama ada tempatan atau kawasan lain.

Beliau berkata, lazimnya benih ikan siakap yang diasuh mula dipasarkan kepada penternak dengan beberapa saiz bermula 1.27cm (setengah inci) sehingga 12.7cm (5 inci).

"Harga benih juga berbeza bergantung kepada saiz anak ikan seperti bersaiz 1.27cm adalah enam sen seekor manakala satu inci ialah 12 sen seekor dan semakin besar harga semakin meningkat.

"Penternak pula membesarkan anak ikan sehingga mencapai berat kira-kira sekilogram sebelum dijual dengan harga borong semasa sekitar RM15 sekilogram," katanya.



Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Salahuddin Ayub turut melawat pusat asuhan ikan siakap hibrid di Kampung Air Tawar.